

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN SHAHARIZUKIRNAIN BIN ABD. KADIR  
[ SETIU ]**

**SOALAN**

minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan cadangan pihak Kementerian untuk mewujudkan suatu bentuk penguatkuasaan undang-undang kepada pembuli siber ini termasuk meletakkan terma dan klausa yang jelas berhubung perilaku yang dikatakan 'pembuli siber'.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa sekarang, pihak Kementerian sedang mengadakan bengkel/kajian terperinci bagi melihat kesesuaian pelaksanaan akta. Sesi pengumpulan maklumat (*fact findings*) daripada beberapa buah negara yang telah menguatkuasakan akta berkaitan anti buli siber seperti Australia dan New Zealand sedang diadakan bagi mendapatkan input mengenai pendekatan penguatkuasaan yang diguna pakai, bidang kuasa badan penguatkuasaan, pengalaman dan cabaran yang dihadapi semasa membangunkan undang-undang anti buli siber serta impak kepada rakyat.

Selain itu, Kementerian juga akan mengadakan sesi libat urus dengan pihak-pihak berkepentingan (*stakeholders engagement*) terutama dengan Kementerian/ Agensi yang mempunyai perundangan berkaitan buli bagi mengenalpasti dengan lebih teliti jurang perundangan sedia ada serta memastikan tiada pertindanan dengan perundangan sedia ada di Malaysia. Sesi libat urus dengan orang awam (*public consultation*) akan dilaksanakan bagi mendapatkan maklum balas daripada semua pihak.

Pewujudan akta ini adalah tertakluk kepada hasil kajian yang akan diperolehi.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN SHAHARIZUKIRNAIN BIN ABD  
KADIR [SETIU]**

**SOALAN:**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilangan penerima eKasih dari penduduk luar bandar dan mekanisme yang telah dijalankan bagi mengesan mereka yang tidak mendaftar kemiskinan melalui eKasih.

**JAWAPAN**

**DIJAWAB OLEH YB DATUK DR. ABD LATIFF AHMAD  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (TUGAS-TUGAS KHAS)**

1. Kerajaan telah membangunkan Sistem eKasih sebagai pangkalan data kemiskinan nasional pada tahun 2008 bertujuan untuk mendaftarkan golongan miskin di Malaysia berdasarkan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK). Kriteria penetapan kategori kemiskinan adalah bergantung kepada jumlah pendapatan per kapita isi rumah dan berasaskan kepada formula perkiraan yang disediakan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia dan Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (UPE, JPM) melalui Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah 2019 (*Household Income Survey 2019*). PGK semasa (2019) adalah RM2,208 berbanding PGK terdahulu (2016) iaitu RM980.
2. Sehingga 15 November 2021, statistik Ketua Isi Rumah (KIR) yang berdaftar dengan eKasih adalah sebanyak 744,138 KIR yang terdiri daripada 260,762 KIR berstatus Miskin Tegar, 244,952 KIR berstatus Miskin dan 238,424 KIR berstatus Terkeluar. Status Terkeluar bermaksud di mana jumlah pendapatan isi rumah telah melebihi PGK semasa. Daripada jumlah tersebut, 327,317 KIR (44%) adalah terdiri daripada penduduk luar bandar.
3. Bagi tujuan pendaftaran isi rumah ke dalam Sistem eKasih, profil isi rumah miskin ini diperoleh melalui kaedah bancian di lapangan melalui sesi temu ramah/bersemuka serta dapatan di lokasi tempat kediaman isi rumah berkaitan. Golongan bersasar yang akan dibanci juga adalah berdasarkan maklumat diterima daripada pelbagai pihak termasuk pemimpin tempatan, individu/ masyarakat dan agensi-agensi Kerajaan Persekutuan dan Negeri serta aduan di dalam media sosial.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN (BERTULIS)  
DEWAN RAKYAT, MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN (BERTULIS)**

**DARIPADA : YB TUAN SHAHARIZUKIRNAIN BIN ABD. KADIR  
(SETIU)**

**SOALAN**

**TUAN SHAHARIZUKIRNAIN BIN ABD. KADIR [ SETIU ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan secara terperinci modul lengkap serta rangka khusus yang telah disediakan bagi kesalahan jenayah terhadap kanak-kanak sebagai usaha pemantauan, pencegahan, pemulihan dan sokongan kepada pelaku.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Penjara Malaysia telah melaksanakan program yang dinamakan sebagai Program Pembangunan Insan (PPI) untuk pesalah yang ditempatkan di dalam penjara termasuk kepada pelaku kesalahan jenayah terhadap kanak-kanak. Pesalah akan dibimbing dan diberikan pendedahan serta latihan yang seimbang dalam aspek jasmani dan rohani bagi keperluan dunia dan akhirat.

Program pemulihan sedia ada di Jabatan Penjara Malaysia telah dirangka sebagai satu modul kepada pesalah bagi memperbaiki dan membina semula fizikal, mental, sikap, akhlak, dan rohani berasaskan nilai murni dan seterusnya membentuk pendekatan pemulihan yang benar-benar bersesuaian dengan keperluan pesalah agar perubahan sikap yang positif terhasil dalam kalangan pesalah.

Program Pembangunan Insan (PPI) ialah satu sistem pemulihan yang bersepadu, merangkumi segala aktiviti fizikal dan kerohanian. Program ini mula diperkenalkan pada Februari 2002. PPI dilaksanakan dengan memberikan penekanan terhadap pembentukan disiplin dan disusuli dengan pembentukan sahsiah untuk membina semula sikap jati diri dan keyakinan dalam kalangan pesalah.

PPI dibina berasaskan sistem fasa dan bertujuan membentuk akhlak penghuni melalui sistem pemulihan yang efektif dan efisien supaya mereka kembali kepada masyarakat sebagai individu yang bertanggungjawab dan

produktif berteraskan pembentukan sikap, kemahiran dan pengetahuan.

Kerangka program PPI dilaksanakan secara berperingkat mengikut sistem fasa yang mempunyai tempoh masa yang tertentu seperti berikut:

#### **FASA I: FASA ORIENTASI**

Fasa I ialah fasa untuk pesalah mengikuti Modul Pendidikan dan Bimbingan. Fasa ini meliputi tempoh masa antara dua hingga tiga bulan berdasarkan kriteria pesalah. Fasa ini menumpukan pada pembentukan kepatuhan disiplin dan peraturan, kenegaraan dan sivik, kesihatan dan kebersihan diri. Modul Pendidikan dan Bimbingan disokong oleh Sub-Modul Pesalah Jenayah Umum, Sub-Modul Pesalah Kolar Putih, Sub-Modul Pesalah Seksual, Sub-Modul Pesalah Trafik. Kekuatan modul-modul ini disokong dengan pengisian pendidikan dalam Sub-Modul Kenegaraan, Sub-Modul Kebudayaan, Sub-Modul Pengurusan Diri, Sub-Modul Moral, Sub-Modul Muhasabah Diri, Sub-Modul Kemasyarakatan, Sub-Modul Kemahiran Sosial, Sub-Modul Perlakuan Jenayah, Sub-Modul Kerohanian, dan Sub-Modul Terapi Kekeluargaan.

#### **FASA II: FASA PENGUKUHAN SAHSIAH**

Pada fasa ini, program pemulihan yang diwujudkan sebagai rawatan utama (core treatment) dalam Program Pembangunan Insan. Program ini dilaksanakan dalam tempoh antara enam bulan hingga 12 bulan. Penekanan diberikan kepada aspek pembentukan jati diri dan perubahan tingkah laku. Pada fasa ini, pesalah akan mengikuti empat modul utama, iaitu:

## SOALAN NO: 368

1. Modul Pendidikan dan Bimbingan (sambungan Fasa 1). Modul Halaqah (bagi yang beragama Islam) atau Modul Moral (bagi yang bukan beragama Islam). Modul Halaqah ini mengandungi pengajian Akidah, Fekah, Tilawah al-Quran, Tafsir, Hadis, Sirah, Akhlak dan Kesejahteraan Insan;
2. Modul *Therapeutic Community*. Modul ini merupakan program pemulihan berasaskan terapi kekeluargaan. Modul ini menekankan tiga elemen sebagai teras pemulihan untuk membawa perubahan diri pesalah, iaitu suri teladan (*role model*), tekanan atau sokongan rakan sebaya (*peer pressure support*) dan ikatan kekeluargaan (*family milieu*). Melalui modul ini, penghuni diberi tanggungjawab merancang, mengatur dan mengurus aktiviti harian berasaskan nilai dan suasana kekeluargaan. Setiap individu dalam sistem ini merupakan “keluarga” dan setiap mereka berperanan untuk saling membantu serta saling memperingati antara satu sama lain (*Man help man to help himself*). Teguran dan tekanan akan diberi oleh rakan-rakan mereka sendiri yang merupakan “keluarga” supaya mereka akan dapat menyedarkan penghuni memahami kelemahan dirinya. Apabila kesedaran ini timbul, perubahan terhadap cara berfikir dapat membantu perubahan tingkah laku penghuni. Modul ini juga menggunakan pendekatan ganjaran (*promotion*) dan denda (*demotion*) bagi mewujudkan semangat dan motivasi penghuni untuk mencapai matlamat pemulihan total; dan
3. Modul Akademik. Modul *Therapeutic Community* dan Modul Akademik adalah bagi pesalah yang berkelayakan dan berminat. Bagi Modul Halaqah, guru-guru agama dibekalkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. Modul Halaqah digunakan untuk semua banduan tanpa



mengira sama ada banduan tersebut telah dijatuhi hukuman penjara oleh mahkamah sivil ataupun syariah. Pewujudan kelas pendidikan kepada penghuni penjara ini dapat dilihat dalam Perkara 151 Peraturan-Peraturan Penjara 1995.

### **FASA III: FASA KEMAHIRAN**

Fasa kemahiran membuka peluang kepada pesalah untuk membentuk kemahiran diri dalam bidang vokasional. Kemahiran vokasional ini turut dibantu oleh beberapa agensi yang membolehkan kemahiran tersebut dipersijilkan. Modul utama yang terdapat dalam program ini ialah Modul Kemahiran Bersijil, Modul Vokasional, Model Usaha sama dalam Penjara. Fasa ini dikemaskinikan kepada penghuni yang melepasi Fasa I dengan memperoleh PGNK 3.0 dan ke atas. Fasa ini bermatlamat melahirkan penghuni yang berkemahiran dan diiktiraf. Penghuni yang berada pada fasa ini perlu mengikuti aktiviti pemulihan yang ditetapkan, iaitu dua jam seminggu. Fasa kemahiran ini tidak menentu tempohnya bergantung pada bidang kemahiran yang diikuti oleh penghuni tersebut. Modul Kerohanian juga masih menjadi modul teras dalam fasa ini dan dilaksanakan kepada semua penghuni tanpa mengambil kira anutan agama mereka.

### **FASA IV: FASA PRABEBAS**

Fasa ini merupakan fasa penghayatan. Penghuni dikehendaki menghayati apa yang telah dipelajari dan menterjemahkannya semasa menjalani fasa ini. Objektif utama fasa ini adalah untuk menyediakan penghuni dalam menghadapi stigma sosial apabila mereka dibebaskan dan menggalakkan penyertaan awam dalam membantu proses asimilasi penghuni ke alam

## SOALAN NO: 368

masyarakat. Di samping aktiviti utama, penghuni di fasa ini juga didedahkan dengan program sampingan seperti *we care* dan *community care*. Fasa ini juga merupakan persediaan kepada pesalah untuk menyertai program pemasyarakatan (di kem-kem Pemasyarakatan dan juga Parol). Berikut merupakan skema pemarkahan yang digunakan bagi penghuni untuk memohon program parol dan program kemasyarakatan di kem-kem kemasyarakatan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN SHAHARIZUKIRNAIN BIN  
ABD. KADIR [ SETIU ]**

**SOALAN**

**TUAN SHAHARIZUKIRNAIN BIN ABD. KADIR [ SETIU ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan usaha Kementerian dalam memastikan pusat-pusat intervensi kanak-kanak khas khususnya kanak-kanak Autism mendapatkan lesen daripada pihak JKM agar guru-guru di pusat tersebut benar-benar terlatih.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia (JKM) telah diberi tanggungjawab menguatkuasakan Akta Pusat Jagaan 1993 [Akta 506] dan Peraturan-Peraturan Pusat Jagaan 1994.

Kementerian amat komited dalam memastikan pusat jagaan autisme yang beroperasi didaftarkan di bawah Akta 506. Mana-mana pusat jagaan yang berdaftar hendaklah mematuhi standard minimum yang ditetapkan. Antara perkara yang diberi perhatian sebelum pendaftaran dibuat sebagaimana peruntukan **Seksyen 7(c) Akta 506** bahawa pengendali pusat jagaan hendaklah memastikan bahawa pusat jagaan dilengkapi secukupnya dari segi kakitangan, dengan secukup bilangan orang yang mempunyai kelayakan atau

**pengalaman yang sesuai. Sehingga Ogos 2021, sebanyak 35 buah Pusat Jagaan Autisme telah didaftarkan.**

JKM melaksanakan program advokasi dan jerayawara secara berterusan kepada pengendali pusat jagaan dan masyarakat bagi memastikan mereka lebih cakna dan sedar kepentingan mendaftarkan pusat jagaan dengan JKM. **Berdasarkan statistik daripada Januari sehingga September tahun ini, terdapat sebanyak 43 program jerayawara direkodkan telah diadakan di seluruh negara.**

Kementerian juga komited dalam memastikan tindakan penguatkuasaan diambil ke atas mana-mana pusat jagaan yang tidak berdaftar. Terdapat tiga tindakan penguatkuasaan yang boleh diambil ke atas pusat jagaan tidak berdaftar. Mengikut peruntukan Akta Pusat Jagaan (1993) Pindaan (2007), dinyatakan dalam Seksyen 16A(1) **mengelak atau menyita**. Selain itu, di bawah seksyen 21 pula adalah untuk **pendakwaan** manakala seksyen 21A(1) **pengkompaunan** kesalahan tidak melebihi lima ribu ringgit.

Tuan Yang di-Pertua,

Selain daripada yang dinyatakan di atas, Seksyen 18 Akta Pusat Jagaan 1993 juga menyatakan tentang **kesalahan dan penalti** kepada pengendali pusat-pusat jagaan yang gagal mematuhi peruntukan dalam akta ini, apabila disabitkan, boleh didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 2 tahun atau kedua-duanya.

Berdasarkan statistik daripada Januari 2018 sehingga Ogos 2021, sebanyak 59 tindakan penguatkuasaan yang telah dikenakan ke atas pusat jagaan tidak berdaftar. Tindakan penguatkuasaan terpaksa diambil ke atas pengendali yang telah diberikan amaran tetapi masih ingkar untuk mendaftarkan pusat jagaan mereka memandangkan kebajikan dan kesejahteraan penghuni di pusat-pusat jagaan ini yang menjadi keutamaan kepada JKM.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATUK SERI DR. SHAMSUL ANUAR BIN  
HAJI NASARAH (LENGGONG)**

**SOALAN**

**DATUK SERI DR. SHAMSUL ANUAR BIN HAJI NASARAH** minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan jumlah keciciran pelajaran melibatkan pelajar luar bandar sepanjang pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) dan apakah tindakan proaktif yang diambil bagi mengatasi masalah keciciran ini.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mendefinisikan keciciran daripada sistem pendidikan sebagai situasi di mana murid warganegara Malaysia yang berada dalam sistem pendidikan tetapi keluar daripada sistem sebelum tamat atau menghabiskan tempoh pendidikan.

KPM juga menyedari bahawa pandemik COVID-19 memberi kesan kepada pembelajaran murid terutamanya apabila mereka tidak dapat hadir ke sekolah secara bersemuka. Oleh yang demikian, selain daripada keciciran daripada sistem pendidikan, KPM turut melihat keciciran dalam konteks penguasaan pembelajaran.

## SOALAN NO : 370

Bagi memastikan tiada murid yang tercicir dalam pembelajaran semasa penutupan sesi persekolahan bersemuka, KPM telah melaksanakan pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR). PdPR dilaksanakan melalui tiga pendekatan iaitu secara dalam talian (online), di luar talian (off-line) dan *off-site* mengikut kesesuaian guru dan murid.

Bagi memantau penyertaan murid dalam PdPR, KPM telah membangunkan Sistem Pelaporan Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (SPdPR). Sistem ini membolehkan penyertaan murid dipantau secara masa sebenar (*real-time*). Hal ini membolehkan pihak sekolah melaksanakan intervensi yang bersesuaian bagi memastikan keterlibatan murid adalah secara optimum.

Data pelaporan sehingga 31 Oktober 2021, menunjukkan sebanyak 0.6 peratus murid sekolah rendah luar bandar tidak mengikuti PdPR. Bagi sekolah menengah pula, jumlah murid yang tidak mengikuti PdPR adalah sebanyak 2.2 peratus.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM telah melaksanakan penjajaran kandungan kurikulum mata pelajaran. Penjajaran kurikulum mata pelajaran difokuskan kepada Kandungan Asas (KA) supaya murid dapat disediakan untuk pembelajaran peringkat seterusnya. Kandungan Tambahan (KT) dan Kandungan Pelengkap (KP) pula boleh dilaksanakan mengikut keupayaan murid.

Bagi memperkasakan pelaksanaan kurikulum, KPM juga menambah baik sokongan pembelajaran dengan memperkenalkan Program Pemerkasaan Pelaksanaan Kurikulum (KPMPerkasaKU). Program KPMPerkasaKU dirangka dengan tujuan memastikan pembelajaran pemulihan bagi murid yang belum menguasai literasi dan numerasi. Di samping itu juga, program ini menyediakan pelbagai sokongan bagi mengukuh dan memperkayakan penguasaan kandungan mata pelajaran. Program ini melibatkan murid sekolah rendah dan sekolah menengah.

## SOALAN NO : 370

Selain itu, KPM juga telah memperkenalkan semula siaran TV Pendidikan. Murid boleh mengikuti pelbagai rancangan TV Pendidikan melalui saluran DidikTV KPM, TV Okey RTM dan Tutor TV Astro. Kandungan yang disediakan adalah berdasarkan kepada kurikulum dan kokurikulum peringkat prasekolah hingga ke tingkatan enam.

KPM turut menyediakan pelantar pembelajaran *Digital Educational Learning Initiative* Malaysia (DELIMa) yang mengandungi pelbagai sumber pendidikan. KPM telah menaik taraf dan menambah baik pelantar DELIMa (DELIMa 2.0) dengan fitur baharu bagi meningkatkan pengalaman pengguna, analitis data, kandungan dan pembelajaran diperibadikan.

Bagi membantu murid yang tidak mempunyai akses internet atau peranti yang sesuai, guru mengambil inisiatif untuk melaksanakan PdP secara luar talian melalui penggunaan buku teks dan buku aktiviti. Guru turut menyediakan modul pembelajaran dan membuat serahan bahan tersebut kepada murid. Guru juga mentaksir murid secara berterusan mengikut kesesuaian dan melaksanakan intervensi mengikut tahap dan keupayaan murid.

KPM juga telah membuat ketetapan untuk melanjutkan sesi persekolahan tahun 2021 sehingga bulan Februari 2022. Pelanjutan sesi ini membolehkan pihak sekolah merancang dan melaksanakan aktiviti pemulihan, pengukuhan dan pengayaan secara intensif bagi meningkatkan kesediaan murid untuk mengikuti tahun persekolahan berikutnya.

KPM yakin kerangka holistik yang dirancang dan dilaksanakan ini membolehkan murid di kawasan luar bandar mengikuti PdPR, seterusnya dapat menangani keciciran murid dan memastikan mereka kekal dalam sistem pendidikan negara.